

01/09/1998

Penawar IMF membawa maut

Kadir Dikoh

ANDAINYA Malaysia mengikut telunjuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), keadaan ekonominya, seperti juga negara serantau yang memang sudah parah mungkin menjadi lebih perit. Ubat mujarab kononnya dibawa dari Washington itu untuk menyembuhkan Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, sebenarnya bukan memulihkan penyakit tetapi boleh melumpuh ekonominya.

Menurut satu kajian oleh Heritage Foundation iaitu yayasan penyelidikan dasar awam yang berpangkalan di Washington, daripada 89 negara membangun yang menerima bantuan IMF sejak 1965, lebih separuh keadaan ekonominya tidak berubah dan 32 lagi mengalami situasi lebih teruk daripada sebelum itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengakui bahawa kerajaan sudah melaksanakan beberapa langkah pemulihan ekonomi yang salah sebelum ini kerana terlalu terikut-ikut dengan kehendak IMF. Katanya, antara langkah yang dianggap salah itu termasuk menaikkan kadar faedah dan mengurangkan kredit selain menganjukkan pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada enam kepada tiga bulan - situasi yang dianggapnya menimbulkan masalah kepada syarikat swasta.

Setakat ini Thailand, Korea Selatan dan Indonesia sudah meminta bantuan daripada IMF selepas tidak berupaya lagi menahan tekanan kegawatan ekonomi. Walaupun secara rasmi Malaysia tidak meminta bantuan IMF, namun sejak hampir setahun dalam gawat, kita sebenarnya melaksanakan sebahagian 'kehendak' tabung itu. Sememangnya, kehadiran IMF pada mulanya dianggap memberi ubat mujarab bagi membantu memulih ekonomi, tetapi nampaknya memburukkan lagi keadaan.

Ubat sepahit mana sekalipun akan ditelan jika ia dapat menyembuh penyakit tetapi IMF nampaknya memberi ubat yang salah. Hiruk-pikuk ekonomi Indonesia dibuatnya. Meraung orang korporat di Kuala Lumpur akibat syornya supaya Malaysia mengamalkan rejim kadar faedah tinggi. Ini menyebabkan sesetengah pakar ekonomi menyifatkan reformasi ekonomi makro IMF yang tertumpu kepada defisit fiskal, dasar kewangan serta inflasi, sebagai tidak relevan lagi dan pendekatan kuno dengan operasinya masih terlalu berahsia dan khidmat nasihat yang diberikan kepada kerajaan masih secara sulit.

Dalam kes di Thailand, IMF antara lain membenarkan kerajaan negara itu berbelanja lebih bagi merangsang ekonomi dan untuk mempunyai defisit belanjawan kira-kira dua peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Di Korea Selatan, ia memaksa kelonggaran beberapa sasaran ekonomi makro termasuk penawaran bagi inflasi, bekalan mata wang dan imbalan fiskal. Begitu juga di Indonesia, IMF secara drastik menilai semula langkah berhemat awalnya.

IMF melakukan tindakan serupa di Asia Tenggara sebagaimana dilakukan terhadap Eropah Timur dan bekas Soviet Union - memaksa perubahan asas dalam ekonomi dan institusi struktural sebagai syarat bagi mendapatkan dana daripadanya. Ini dilakukan walaupun situasi di Asia berbeza. IMF mengenakan campuran dasar fiskal (cukai tinggi, perbelanjaan kerajaan yang rendah) dengan langkah mengetatkan syarat kredit (kadar faedah lebih tinggi) yang lebih sesuai di Amerika Latin berdasarkan bentuk masalahnya. Untuk menilai kesesuaian dasar itu, adalah penting untuk memahami apa yang berlaku di Asia.

Yang berlaku di Asia ialah pelaburan tersilap oleh sektor swasta kerana mudah mendapat modal asing dengan kos rendah ketika tempoh kadar tukaran

yang rendah, bukan mengalami defisit awam yang besar seperti berlaku di Amerika Latin 10 tahun lalu. Tidak semestinya ubat mujarab untuk Amerika Latin boleh menjadi penawar di Asia. Kepada manusia, silap ubat bukan setakat 'muntah-muntah' tetapi boleh membawa maut.

Di Amerika Latin, bebanan hutang adalah milik kerajaan dan si pemiutang adalah bank antarabangsa. Dalam krisis kewangan di Asia sekarang, si berhutang kebanyakannya adalah sektor swasta. Strategi piawai penawar IMF ialah untuk mempunyai kadar faedah tinggi, pengurangan perbelanjaan kerajaan, cukai tinggi, pertumbuhan perlahan. Akibatnya? Ekonomi semakin parah termasuk peningkatan pengangguran.

Di Asia Tenggara - Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand - semuanya mengecapi lebih belanjawan, inflasi rendah dan rizab asing sehingga Julai tahun lalu adalah meningkat. Keadaan di Amerika Latin adalah sebaliknya - ekonomi dengan defisit belanjawan yang tinggi, ekonomi 'terlalu panas' dan inflasi begitu tinggi. Di Asia, ekonominya mempunyai kadar inflasi rendah, kadar tabungan tinggi dan secara relatif defisit rendah.

Di Malaysia, sejak dasar penswastaan dan persyarikatan diperkenalkan lebih sedekad lalu, sektor swasta muncul sebagai penggerak ekonomi. Kini, keadaan sudah terbalik yang memaksa kerajaan mengambil alih semula fungsi itu selepas swasta bagaikan tidak bermaya. Rejim kadar faedah tinggi 'membunuh' fungsi swasta itu. Rejim kadar faedah tinggi IMF lebih memudaratkan daripada memulihkan ekonomi.

Kadar faedah melambangkan harga wang. Semakin tinggi kadar faedah, semakin tinggi kos modal, faktor utama bagi mengerak kegiatan ekonomi. Dengan kadar faedah yang tinggi, bukan saja membuatkan perniagaan tidak dapat membuat pelaburan dalam perniagaan baru, malah hutang bagi perniagaan lama boleh menjadi hutang lapuk. Semua ini menyumbang kepada ekonomi menjadi 'kaku' jika tidak ditangani sebaik mungkin.

Malah majalah mingguan berpangkalan di Amerika Syarikat Business Week tidak berapa lama dulu pernah menulis: "IMF, dengan mendesak kadar faedah tinggi melangit sebagai syarat bagi mengeluarkan pakej bantuan pinjaman AS\$57 bilion kepada Korea Selatan, sebenarnya mengekang ekonomi dan penyelesaian kepada krisis ekonomi ini adalah mudah tunai".

Ini bukan kali pertama penyelesaian IMF membawa mudarat daripada kebaikan. Hampir dalam semua negara Amerika Latin yang meminta bantuan IMF pada 1980-an, pernah merasai keperitan sehingga menjadikannya terdedah kepada tindak-tanduk pelabur antarabangsa. Sekarang inipun, keruncingan masih berlegar di tiga negara penerima di Asia - Thailand, Indonesia dan Korea termasuk kadar inflasi yang tinggi. Dasar kadar faedah tinggi sebenarnya tidak membantu mengekang tekanan inflasi.

Sementara sesetengah pihak menghujahkan bahawa kadar faedah rendah akan memberi kesan ke atas kadar tukaran, Jeffrey Sachs dari Harvard Institute for International Development yang dipetik oleh sebuah akhbar tempatan baru-baru ini menegaskan bahawa "ia secara relatif adalah harga kecil untuk dibayar untuk merangsang semula aktiviti ekonomi. Sebaik kegiatan ekonomi dirangsang, pelabur dan dana asing akan mula datang dan kadar tukaran akan naik semula dalam tempoh sebenar". Bukan satu rahsia lagi bahawa strategi IMF dalam memberi bantuan kepada ekonomi bermasalah seperti Indonesia dan Korea, tersilap perkiraan dengan menekankan supaya kedua-dua negara itu memperketatkan dasar fiskal dan kewangan.

Ini 'diakui' oleh 'laporan dalaman' IMF seperti disiarkan oleh New York Times sebelum ini dengan memperakukan bahawa strategi itu menyebabkan panik hingga mempengaruhi pasaran saham di Asia merudum. Ia menyatakan bahawa keadaan di Indonesia menjadi lebih buruk apabila IMF mendesak supaya 16 bank ditutup. "Penutupan (bank) ini, bagaimanapun jauh daripada mengembalikan keyakinan awam dalam sistem perbankan tetapi sebaliknya,

menakutkan orang ramai yang panik dan mula mengeluarkan deposit," kata laporan itu.

Sachs yang menjadi salah seorang pengkritik utama strategi IMF bagi menyelesaikan masalah ekonomi di Asia Timur, menyatakan penutupan bank itu lebih memburukkan lagi keadaan kewangan dengan menimbulkan lebih panik daripada tenteram. Ditambah oleh dasar belanjawan ketat dan kadar faedah tinggi oleh IMF, menjadikan keadaan di Jakarta lebih kritikal.

Sementara keadaan berbeza dari sebuah negara ke sebuah negara lain, IMF mengenakan syarat serta program struktural yang sama rata di Indonesia, Thailand dan Korea Selatan dengan beberapa tokok tambah. Semuanya ditetapkan dengan peraturan sama termasuk penutupan bank. Penyelesaian penutupan bank ini tidak jauh bezanya seperti dikenakan oleh IMF bagi negara Latin Amerika termasuk Mexico pada 1995. Seperti dengan Indonesia, penawar IMF di lima negara di Amerika Latin - Mexico, Nicaragua, Costa Rica, Bolivia dan El Salvador terus melemahkan ekonomi.

Di antara 1982 dan Disember 1994 apabila ekonomi Mexico lumpuh, Kerajaan Mexico melaksanakan semua dasar penyesuaian yang dipromosikan oleh Bank Dunia dan IMF iaitu mengurangkan perbelanjaan awam (termasuk perkhidmatan sosial), reformasi cukai, menghadkan kredit, menswastakan kebanyakan agensi kerajaan, liberalisasi perdagangan, menurun nilai mata wang, menghapuskan halangan kepada pelaburan asing dan upah yang kompetitif. Dasar itu bermatlamat mengawal inflasi dan mengerak tukaran asing bagi membantu membayar hutang. Sebaliknya, ia meningkatkan pengangguran, kemiskinan dan secara perlahan meragut ekonomi Mexico.

Apabila rombongan IMF yang datang dengan jet dari Amerika untuk menyalahkan pihak berkuasa di Jakarta, Bangkok dan Seoul supaya mengguna pakai pendekatannya, mereka akan kerap berkata "telanlah ubat ini, ia mujarab walau pahit sekalipun". Sebenarnya, mereka tersilap ubat! Ubat yang betul akan pasti berupaya memulihkan pesakit bukan menambah kesakitan tetapi IMF bagaikan tidak peka, terus memaksa Indonesia, Korea dan Thailand, menelan ubat itu.

Laporan akhbar tempatan Business Times sebelum ini memetik Sachs sebagai berkata bahawa keputusan Malaysia untuk tidak meminta bantuan IMF sebagai tepat dan "Malaysia berjaya melepaskan diri daripada menghadapi penguncupan ekonomi yang teruk seperti dialami jirannya".

Bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr Henry Kissinger dalam kolumnya di Washington Post pernah memetik ketua ekonomi di Deutsche Bank di Tokyo sebagai berkata bahawa IMF bertindak bagaikan doktor yang pakar dalam demam campak yang cuba mengubati setiap penyakit menggunakan penawar yang sama.

Peliknya, Timbalan Pengarah Urusan IMF, Shigemitsu Sugisaki sendiri pernah mengakui bahawa masalah berbeza-beza di antara negara dan badan itu tidak boleh menggunakan ubat sama sebagai penawar. Nampaknya, pendekatan dalam IMF sendiri tiada muafakat atau badan dunia yang dikawal kuasa besar Amerika Syarikat itu sengaja mahu melumpuhkan ekonomi Asia.

Banyak negara lain yang meminta bantuan IMF menghadapi kesulitan. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah menyelar IMF yang bagaikan tidak mempunyai agenda sosial dalam programnya. IMF kini dikecam oleh banyak pihak. Malah Ketua Ekonomi Bank Dunia, Joseph E Stiglitz dalam pertemuan dengan penulis di Manila sempena persidangan Bank Dunia beberapa bulan lalu pernah menyindir IMF dengan menyatakan bahawa pendekatan IMF kurang 'realistik'.

(END)